

SET MODUL SENTUHAN AKHIR
PENDIDIKAN MORAL
TINGKATAN 5

PENDIDIKAN MORAL
Dua Jam Tiga Puluh Minit

SET 4

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **Tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, **satu** soalan dalam Bahagian B dan **semua** soalan dalam bahagian C.
3. Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan pada kertas soalan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
B	6	10	
	7	10	
C	8a	10	
	8b	10	
	9a	10	
	9b	10	
Jumlah		100	

Disediakan oleh
PANEL PERUNDING MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN MORAL
NEGERI JOHOR

BAHAGIAN A
(50 markah)
Jawab **semua** soalan

1. Maklumat di bawah ini adalah berkaitan dengan perbelanjaan secara beretika.

Dalam kehidupan seharian, setiap individu membelanjakan sejumlah wang untuk memenuhi keperluan harian. Perbelanjaan ini perlu diuruskan secara berhemah bagi menjamin kewangan yang stabil.

(a) Setujukah anda dengan pernyataan tersebut. Jelaskan. [3 markah]


Setuju. Saya dapat jadi pengguna bijak. Saya rancang wang secara baik

(b) Perbelanjaan secara beretika banyak memberikan manfaat kepada individu. Huraikan kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika. [4 markah]

- i. Dapat buat simpanan. Jamin masa depan.
- ii. Dapat berjimat. Rancang belanja untuk elak pembaziran.

(c) Sebagai seorang pengguna, kita perlu bijak menguruskan perbelanjaan secara beretika. Nyatakan hak anda sebagai seorang pengguna. [3 markah]

- i. Keperluan asas
- ii. Maklumat yang tepat dan benar
- iii. Membuat pilihan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA


Jabatan Pendidikan Negeri Johor

2. Angela anak Ganang dan Mei Ling berkawan rapat sejak mereka di bangku sekolah rendah lagi. Hubungan erat ini tidak terpisah walaupun mereka berbeza norma dan budaya kaum. Setiap kali musim perayaan Gawai dan Tahun Baru Cina, mereka akan saling kunjung berkunjung
- (a) Berdasarkan pernyataan di atas senaraikan keunikan kaum Cina dan kaum Iban dalam sambutan perayaan mereka setiap tahun. [3 markah]
- i. Makan besar.
 - ii. Beri Ang Pau
 - iii. Tarian singa
 - iv. Manuk pansuh
- (b) Jelaskan kepentingan mengekalkan keunikan yang diwarisi dalam kalangan rakyat seperti yang digambarkan oleh Angela dan Mei Ling. [4 markah]
- i. Dapat kukuhkan perpaduan rakyat .Generasi baru tahu pelbagai tradisi.
 - ii. Dapat terima perbezaan kaum. Dapat tingkatan budaya pelbagai kaum.
- (c) Apakah tanggungjawab yang boleh diamalkan oleh ibu bapa dalam mengekalkan keunikan di kalangan anak-anak mereka dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia agar tidak lupus ditelan zaman. [2 markah]
- Ibu bapa jadi suri teladan . Iubapa bawa anak sertai aktiviti tradisi.
- (d) Kerajaan telah berusaha mengekalkan keunikan budaya rakyat Malaysia melalui penggubalan dasar demi mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara. Namakan dasar tersebut. [1m]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

3. Negara berdaulat ialah negara yang bebas daripada penjajahan dan berupaya untuk menguruskan hal ehwal negara secara bebas tanpa campur tangan daripada mana-mana negara lain.



- (a) Jalur gemilang adalah lambang Malaysia sebuah negara yang berdaulat. Senaraikan ciri-ciri yang menunjukkan Malaysia sebuah negara yang berdaulat. [2 markah]

- i. Merdeka
- ii. Bermaruah dan berwibawa
- iii. Bebas daripada pengaruh luar

- (b) Mempertahankan kedaulatan negara menjadi tanggungjawab setiap warganegara. Bagaimakah cara anda untuk mempertahankan kedaulatan negara? [4 markah]

- i. Perlu ada semangat jati diri. Tidak terpedaya dengan hasutan anasir luar.
- ii. Kibarkan bendera Malaysia. Dapat tingkatkan semangat patriotisme.

- (c) Pada pendapat anda, apakah peranan kita sebagai rakyat dalam menjaga kedaulatan negara. [4 markah]

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Jaga maruah negara. Tidak terpengaruh dengan anasir subversif. Dapat mengekalkan kestabilan politik. Negara dapat memerintah mengikut cara sendiri.

4. Poster Digital berkaitan Pertandingan Pantun Semerah Saga Peringkat Antarabangsa



Poster di atas menerangkan butiran berkaitan Pertandingan Pantun Peringkat Antarabangsa.

- (a) Nyatakan ciri-ciri individu global yang perlu ada pada individu yang menyertai pertandingan di atas. [2 markah]

- i. Berdaya saing
- ii. Jati diri kukuh.

- (b) Bagaimanakah program di atas dapat memupuk sikap global dalam kalangan masyarakat. [4 markah]

Utamakan budaya asal supaya tidak ikut budaya luar. Belajar banyak bahasa. Dapat berkomunikasi dengan dunia luar. contohnya cakap dalam bahasa Jepun, bahasa Perancis.

- (c) Bincangkan kesan jika sikap global diketepikan dalam budaya masyarakat tempatan. [4 markah]

- i. Mudah terpengaruh dengan budaya luar contohnya budaya kuning
- ii. Hilang jati diri. Abaikan tradisi kaum.

5. Gambar memaparkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar.



- (a) Berdasarkan gambar, apakah peranan anda sebagai individu bermoral untuk mengelakkan situasi di atas tercetus. [2 markah]

Saya akan jauuhkan diri daripada gejala negatif seperti bergaduh. Saya buat aktiviti berfaedah seperti baca buku.

- (b) Bagaimanakah nilai kerohanian dalam diri dapat membantu golongan pelajar bermasalah berjaya dalam hidup? [3 markah]

- i. Agama panduan hidup.
- ii. Menjauuhkan diri daripada gejala negatif.
- iii. Baik dengan orang lain.

- (c) Golongan remaja pada masa kini kebanyakannya bersikap individualistik dan materialistik. Terdapat juga antara mereka yang tidak berbudi bahasa, tidak beradab sopan dan tidak berkeperibadian mulia. Mereka lebih mementingkan keseronokan hingga lupa akan nilai jati diri yang baik.

Perlakuan moral dapat mengubah masa depan golongan remaja tersebut. Ulasakan.

[5 marka]

Masa depan cerah jika remaja bermoral dengan keluarga. Remaja pegang teguh pada agama. Bersikap positif membantu masyarakat susah seperti mangsa banjir. Remaja cakap sopan agar hubungan erat dengan rakan.

BAHAGIAN B

(10 Markah)

Jawab **satu** soalan sahaja.

6. Gambar di bawah menunjukkan keunikan rakyat Malaysia semasa perayaan kaum yang dimeriahkan oleh kaum lain tanpa mengira agama, bangsa, budaya dan bahasa.



Cerakinkan strategi yang boleh dilaksanakan bagi mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.

[10 markah]

Rakyat Malaysia terima keunikan semua kaum. Rakyat tidak memandang rendah adat kaum lain. Rakyat tidak menimbulkan huru hara. Contohnya tidak mengejek kepercayaan kaum lain.

Saya amalkan budaya kaum dalam kehidupan contohnya pergi rumah kawan semasa CNY.

Ibu bapa didik anak terima pelbagai budaya contohnya makan besar semasa CNY.

Kerajaan banyakkkan aktiviti kebudayaan di peringkat sekolah contohnya pertandingan tarian tradisional pelbagai kaum. Seperti pertandingan tarian zapin.

7. Gambar di bawah menunjukkan sikap generasi muda masa kini.



Generasi muda pada masa ini semakin kehilangan jati diri dan nilai kerohanian dan sekali gus menjadikan mereka generasi yang hilang akhlak dan rosak peribadi. Dilema yang dialami ini menimbulkan pelbagai isu sosial dalam kalangan masyarakat.

Huraikan peranan masyarakat untuk memupuk nilai kerohanian dalam diri generasi muda.

[10 markah]

Nilai universal toleransi. Nilai hormat. Nilai hemah tinggi.

Masyarakat berperanan membentuk generasi muda yang berhemah. Masyarakat terapkan sikap prihatin terhadap generasi muda agar mereka berperibadi mulia. Masyarakat memberi nasihat secara berhemah.


Masyarakat didik ajaran agama agar generasi muda jauhi gejala sosial. Masyarakat jadi suri teladan kepada generasi muda dari segi perlakuan.

Masyarakat anjurkan program masyarakat seperti ceramah keburukan gejala sosial kepada generasi muda.

Masyarakat perlu ambil tahu tingkahlaku generasi muda di sekeliling mereka.

BAHAGIAN C
(40 Markah)
Jawab **semua** soalan

8. Gambar menunjukkan lambang kebesaran negara.



- a. Apakah ekspresi perasaan anda apabila melihat lambang kebesaran negara ?
Mengapakah kita patut menghormati lambang kebesaran negara ? [10 markah]

Bangga kerana lambang kebesaran negara menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara yang beridentiti nasional.

Kita dapat menunjukkan kesetiaan terhadap tanah air . Kita akan sanggup berkorban untuk negara. Kita dapat menunjukkan rasa cinta terhadap negara. Kita dapat membangkitkan semangat patriotisme .

Lambang kebesaran adalah simbol perpaduan negara. Jalur gemilang melambangkan kemegahan, contohnya apabila rakyat Malaysia menang dalam pertandingan antarabangsa seperti dalam sukan Olimpik.

Rakyat dahulukan negara lebih dari diri. Dengan itu, kita seharusnya bersyukur dapat hidup di dalam sebuah negara yang berdaulat seperti Malaysia.

b. | Gambar menunjukkan perbuatan yang boleh mengugat kedaulatan negara.



Huraikan nilai universal yang patut diamalkan dalam menangani perbuatan yang boleh mengugat kedaulatan negara. [10 markah]

Nilai patriotisme. Nilai bertanggungjawab. Nilai rasional. Nilai kerjasama. Nilai hormat.

Rakyat Malaysia mesti mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan nama baik negara. Rakyat Malaysia harus jaga kemudahan dengan tidak melakukan perbuatan vandalisme.

Rakyat Malaysia perlu mematuhi peraturan dan undang-undang negara. Rakyat menjaga kebersihan awam dengan tidak membuang sampah merata-rata.

Rakyat tidak terlibat dengan aktiviti yang salah dalam negara seperti memburukkan nama baik Malaysia di media sosial.

Rakyat patut guna bahasa sopan bercakap dengan rakyat luar agar imej negara kekal

9. Gambar di bawah menunjukkan persembahan muzik antarabangsa dan tarian tempatan.



Muzik merupakan keunikan seni yang timbul daripada perasaan atau fikiran manusia sebagai ungkapan ekspresi diri dan menjadi hiburan kepada manusia.

- (a) Keunikan negara sendiri harus dikekalkan walaupun keunikan budaya global menular dalam kehidupan generasi kini. Huraikan alasan anda berdasarkan nilai universal selain daripada nilai bertanggungjawab dan nilai rasional. [10 markah]

Nilai universal toleransi, nilai hormat, nilai hemah tinggi.

Kepelbagaian budaya berbeza menjadikan Malaysia unik. Generasi kini dapat kekalkan keunikan negara sendiri. Identiti diri tidak pupus. Generasi kini lebih mengenali budaya sendiri contohnya makanan tradisi kaum.

Generasi kini dapat teruskan keunikan budaya asal. Mereka dapat sesuaikan dengan budaya asing tanpa abaikan jati diri kaum.

Generasi kini sedia terima budaya masyarakat global dengan hati terbuka. Mereka jaga adat agar terus diamalkan oleh generasi baru. Generasi kini berfikiran terbuka terima budaya luar tanpa pinggirkan budaya tradisi.

- (b) Sejauh manakah sikap global menjadi satu aspek penting pada masa ini untuk menghadapi dunia yang semakin mencabar. [10 markah]

Sikap global adalah individu yang berdaya saing dan mampu menghadapi sabaran. Sikap global penting untuk membentuk individu kreatif. Sikap dan pemikiran mereka berkualiti. Individu lebih berkemahiran dalam membuat keputusan.

Sikap global juga mendorong individu untuk bersaing dengan dunia luar. Individu dapat mencapai prestasi cemerlang. Kita perlu kuat menghadapi cabaran global. Kita mampu kekalkan identiti lokal.

Individu cenderung melestarikan pembangunan negara dan modal insan. Individu memberi sumbangan yang progresif supaya dapat memajukan negara. Kita berfikir di luar kotak agar dapat mencapai wawasan negara.

Oleh itu kita perlu mampu menguasai ilmu pengetahuan agar kemajuan negara meningkat.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor